

14 NOV 2001

MCA-Selisih

MCA : PERGOLAKAN MAKIN KETARA HINGGAKAN PEMIMPIN TIDAK BERTEGUR SAPA

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Pergeseran antara Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dengan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek makin ketara apabila kedua-duanya tidak bertegur sapa semasa menghadiri dalam majlis rumah terbuka Deepavali Presiden MIC Datuk Seri Samy Vellu di sini hari ini.

Kedua-dua pemimpin membawa rombongan masing-masing secara berasingan ke majlis itu.

Dr Ling datang bersama Naib Presiden Datuk Seri Ong Ka Ting, Ketua Wanita Datuk Ng Yen Yen, Datuk Tan Chai Ho, Datuk Chor Chee Hueng dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Donald Lim.

Manakala setengah jam kemudian, satu lagi rombongan pemimpin MCA tiba ke majlis itu diketuai Ah Lek, Naib Presiden Datuk Chua Jui Meng, Datuk Chan Kong Choy, Datuk Fu Ah Kiow serta Timbalan Ketua Wanita, Datin Paduka Tan Yee Kew.

Kedua-dua pemimpin tidak bersalaman antara satu sama lain dengan Ah Lek hanya bersalaman dengan Samy Vellu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Datin Seri Dr Siti Hasmah walaupun Dr Ling dan Datin Seri Ena Ling duduk di meja sama.

Begitu juga dengan Chua yang hanya bersalaman dengan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri serta Samy Vellu dan isterinya Datin Seri Indrani.

Ketika ditanya oleh pemberita mengenai keadaan itu, Dr Ling berkata beliau yakin perselisihan itu dapat diselesaikan.

"Ia hanya sementara dan boleh diselesaikan," katanya.

Bagaimanapun, Ah Lek enggan mengulas apabila diajukan soalan sama.

Dr Mahathir yang turut ditanya mengenai keadaan itu, berkata ia adalah urusan dalaman MCA dan parti itu mampu menyelesaikan masalah-masalah mereka.

Apabila ditanya adakah pergeseran antara pemimpin MCA akan menjejaskan sokongan masyarakat Cina kepada Barisan Nasional, beliau berkata : "Saya berpendapat ia tidak patut berlarutan, mereka orang yang bersikap wajar dan saya yakin mereka mahu menyelesaikan masalah yang dihadapi."

Para pemberita juga bertanya mengenai nasihat Dr Mahathir kepada pemimpin MCA supaya berbaik semula selepas mesyuarat agung luar biasa parti itu, yang nampaknya tidak diendahkan.

Kata Perdana Menteri : "Kadang-kadang Press pun main peranan juga, tak usahlah lapor benda banyak-banyak sangat, you tanya orang ini, dia jawab macam ini, you tanya dia...pok pak, pok pak."

-- BERNAMA

AT ZS MOZ